



BANTUAN ONE-OFF RM 300

KEPADA **PENIAGA KECIL & PENJAJA** YANG
BERDAFTAR DENGAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

- ✓ Tapak Penjaja Setempat Milik MBS
- ✓ Pusat Penjaja Milik MBS
- ✓ Penjaja Bergerak (Zoning)
- ✓ Penjaja Pasar Malam
- ✓ Penjaja Pasar Pagi
- ✓ Penjaja Pasar Tani (berdaftar dengan FAMA)



SYARAT KELAYAKAN:

1. Peniaga Kecil yang belum pernah mendapat bantuan ini semasa tahun 2020 sehingga 2022.
2. Bantuan secara one-off (sekali sahaja bagi setiap penerima).
3. Aktif menjalankan perniagaan.
4. Berlesen dengan Majlis Bandaraya Seremban dan belum tamat tempoh.

KAEDAH PEMBAYARAN:

- Bayaran secara terus ke akaun bank penjaja

Maklumat Lanjut Sila Hubungi : 06-7654243

Permohonan Permit Sementara hendaklah dikemukakan **30 hari** sebelum tarikh program/promosi dijalankan

SIAPA YANG

TIDAK LAYAK?

- ✗ Peniaga Kiosk / Gerai / Pasar / Bengkel Milik Majlis Bandaraya Seremban
- ✗ Peniaga Tempat Letak Kereta Taman Rasah Jaya / Bukit Chedang / Desa Manggis



JABATAN PEMBERSIHAN &
KESIHATAN PERSEKITARAN
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Hari Bertemu Pelanggan

Tarikh : 14 September 2023
Hari : Khamis
Tempat : Dewan Perbandaran Nilai



Fungsi Jabatan

Bertanggungjawab memproses, memantau, mengawal, menyelia serta penguatkuasaan setiap aspek kebersihan dan kesihatan awam termasuk pelesenan perniagaan yang dijalankan di dalam kawasan Majlis.

Bahagian Kesihatan Persekitaran

1. Mengatur dan memberi bantuan gotong-royong (MPKK / taman-taman perumahan / COMBI).
2. Memantau dan melaporkan sebarang kerosakan tandas dan gerai-gerai MBS.
3. Memantau kerja-kerja kutipan sisa pepejal & pembersihan awam oleh SWCorp serta urusan bayaran (SWCORP/SMWE).
4. Merekod dan mengumpul data aktiviti kitar semula (SWME).
5. Membantu Pejabat Kesihatan Daerah dalam menjalankan kerja-kerja kawalan vektor.
6. Mengurus dan mengawal selia tanah perkuburan dalam kawasan MBS.
7. Mengesahkan penyerahan kawasan baru dan menyerahkan kepada SWCorp untuk perkhidmatan pembersihan.
8. Mengumpulkan segala maklumat berkaitan denggi untuk mesyuarat di Pejabat Kesihatan Daerah Seremban / Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan.
9. Menyediakan laporan kawasan hotspot denggi kepada DFIC (KPKT).
10. Menjalankan aktiviti pengawalan denggi di dalam kawasan MBS.
11. Mengawal selia pengurusan stor dan aset / myportfolio kakitangan.
12. Menjalankan kerja-kerja pembersihan tandas awam, tandas gerai dan pasar milik MBS.
13. Menjalankan aktiviti kawalan makhluk perosak rodensia (kawalan tikus) di pasar, gerai milik MBS.
14. Menjalankan kerja-kerja penurunan kain rentang bunting/poster ahlong yang tiada kebenaran.
15. Mengeluarkan notis pembersihan kepada pemilik tanah/premis kosong yang terbiar dipenuhi semak samun untuk dibersihkan oleh pemilik.

Bahagian Makanan dan Tandas

1. Grading semua premis makanan termasuk gerai statik.
2. Grading tandas awam bagi premis makanan sahaja.
3. Menyediakan dan menyimpan semua maklumat premis makanan dan tandas awam.
4. Menyediakan rekod/laporan premis makanan kepada KPKT dan lain-lain agensi berkaitan.
5. Menyelaraskan pertandingan tandas awam bersih dan indah (KPKT) serta premis makanan bersih (KKM) serta dalaman jabatan MBS .
6. Grading tandas awam (selain premis makanan) termasuk tandas milik MBS .



Bahagian Pelesenan

1. Memproses semua permohonan lesen premis perniagaan (baru, rayuan, pembaharuan, permit sementara).
2. Memproses semua permohonan lesen berkaitan ekspo, karnival, pertunjukan pentas, festival.
3. Merekod dan mengemaskini semua maklumat operasi penguatkuasaan, gerai/pasar MBS .
4. Memproses permohonan billboard, kain rentang, papan iklan besar dan lain-lain
5. Menjalankan pemantauan premis, papan iklan luar, papan tanda dan penjaja tanpa lesen.
6. Memproses semua permohonan berkaitan Bazar Ramadhan/Bazar Aidilfitri dalam kawasan zon seliaan masing-masing.
7. Memproses semua permohonan dan menyelia aktiviti berkaitan pasar awam dalam kawasan seliaan masing-masing.

Bahagian Gerai, Pasar & Penjaja

1. Merekod dan mengemaskini semua maklumat operasi penguatkuasaan, gerai/pasar MBS.
2. Mengenalpasti dan membuat lokasi baru tapak penjaja setempat.
3. Memproses semua permohonan dan menyelia aktiviti berkaitan pasar awam dalam kawasan seliaan masing-masing.
4. Memantau peniaga-peniaga pasar yang melanggar peraturan dan undang-undang pasar awam MBS.
5. Membuat penguatkuasaan dan siasatan ke atas penjaja tanpa lesen atau melanggar syarat-syarat sewaan gerai di kawasan MBS dan pasar awam di bawah seliaan MBS.
6. Memproses permohonan gerai dan pasar untuk kemasukan ke temuduga gerai/pasar.
7. Memproses permit sementara di kawasan pasar awam bawah seliaan MBS.
8. Memantau kerja-kerja pembersihan Pasar Besar Seremban, Pasar Ampangan, Pasar Rasah Jaya, Pasar Seremban Jaya dan Pasar Rantau serta pasar di bawah seliaan MBS.

